

Jenis Akhbar : Kosmo

Tarikh : 02/06/2019

Edisi / Muka Surat : Nasional / 10

Tajuk : ANGKASA beri sumbangan Aidilfitri kepada pesakit Wad Pediatrik PPUM

Angkasa beri sumbangan Aidilfitri kepada pesakit Wad Pediatrik PPUM

KUALA LUMPUR - Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) menyemarakkan bulan mulia ini dengan memberikan sumbangan Hari Raya kepada seramai 150 pesakit di Wad Pediatrik, Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM) baru-baru ini.

Dalam lawatan itu, Presiden Angkasa, Datuk Abdul Fattah Abdullah bersama Rakan Sukarelawan Coop Malaysia dan Persatuan Veteran Radio Televisyen Malaysia turut meluangkan masa bertanya khabar kepada pesakit yang ditempatkan di wad berkenaan.

Menurut Abdul Fattah, program itu merupakan salah satu aktiviti tanggungjawab sosial pihaknya untuk mencerikan kanak-kanak dalam menyambut Aidilfitri biarpun berada di hospital.

"Ia juga merupakan salah satu



ABDUL FATTAH (tiga dari kanan) menyampaikan sumbangan Aidilfitri kepada pesakit kanak-kanak di Kompleks Kesihatan Wanita dan Kanak-kanak PPUM, Petaling Jaya baru-baru ini.

usaha Angkasa untuk memupuk kesejahteraan masyarakat dan meningkatkan semangat keprihatinan selain memberi sokongan emosi kepada pesakit serta keluarga mereka," katanya selepas program

itu di PPUM baru-baru ini.

Pada program itu, seramai 70 petugas PPUM menerima buah tangan daripada Angkasa sebagai tanda penghargaan kepada kakitangan wad tersebut.